

**Kerajaan Peruntuk RM100 Juta Bantu 428 Sekolah Mubaligh  
Bernama  
10 September, 2012**

SEGAMAT, 10 Sept (Bernama) -- Kerajaan memperuntukan sebanyak RM100 juta untuk membantu 428 sekolah mubaligh di negara ini, termasuk di Sabah dan Sarawak, kata Presiden Gerakan Tan Sri Dr Koh Tsu Koon pada Isnin.

Beliau berkata dana khas itu bertujuan membantu sekolah berkenaan mendapat kemudahan yang lengkap untuk suasana pembelajaran yang lebih baik kepada pelajar.

"Ini satu pengiktirafan dan penghormatan kepada sumbangan sekolah mubaligh terhadap pembangunan pendidikan dan pembinaan negara oleh kerana sememangnya ramai pemimpin masyarakat mahupun pemimpin negara termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah melalui sistem sekolah mubaligh ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penyampaian Dana Khas Belanjawan 2012 kepada Sekolah-sekolah Mubaligh Johor dan Melaka di SMK Convent, di sini pada Isnin.

Koh berkata di Zon Selatan sendiri iaitu Johor dan Melaka, sebanyak RM7.6 juta diperuntukkan untuk membantu 37 sekolah mubaligh.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=693532>